

03 DEC 2001

Mahathir-saranan

JANGAN EMOSIONAL BUAT GESAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Persatuan Ulama Malaysia (PUM) tidak harus bersikap emosional untuk membuat gesaan seperti memulaukan barangan Amerika Syarikat ekoran serangan negara itu ke atas Afghanistan.

"Kita jangan emosional, kita kena fikir secara praktikal, benda yang boleh buat kita buat, benda yang tak boleh buat kita tak usah cakap," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa di kediaman Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, yang juga bekas Menteri Kewangan di sini malam ini.

Saranan supaya dipulaukan barangan serta perkhidmatan Amerika Syarikat itu merupakan antara resolusi 16 perkara yang diluluskan pada Ijtimak Khas Ulama Malaysia anjuran bersama PUM dan Persatuan Ulama Kedah di Petaling Jaya semalam.

"Nak suruh kerajaan buat tak patutlah, kita buat sendirilah, benda yang kita tak hendak pakai, tak usah pakai," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata secara tidak langsung saranan itu sukar dilaksanakan dan memberi contoh bahawa kapal terbang keluaran syarikat Boeing digunakan oleh rakyat negara ini untuk pergi menunaikan haji.

Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia tidak menyokong serangan ketenteraan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Ketika ditanya mengapa bekas pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari masih ditahan di negara ini, Perdana Menteri berkata:

"Setakat yang saya diberitahu adalah untuk soal siasat, pasal ada kaitan barangkali dengan bermacam-macam perkara yang berlaku," katanya.

Semasa menjawab soalan lain mengapa kerajaan Filipina berlengah untuk membawa Misuari pulang, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

"Apabila siaatan selesai, kita akan menghantar dia pulang".

Misuari, yang dituduh memberontak oleh kerajaan Filipina, dan enam pengikutnya ditahan di Pulau Jampiras dekat Sandakan, Sabah kerana memasuki Malaysia secara haram pada 24 Nov.

-- BERNAMA

AZZ FAZ